

**MUHAMMAD NADZRI MOHAMED NOOR  
& GHAZALI MAYUDIN**

**HEGEMONI DAN KONTRA HEGEMONI:  
MEMAHAMI PERUBAHAN PILIHAN  
RAYA UMUM KE-12**

*Keputusan Pilihan Raya Umum (PRU) pada 8 Mac 2008 memang tidak diduga, mengejutkan semua pihak dan menghasilkan beberapa perkara yang pertama dalam politik Malaysia. Buat pertama kalinya semenjak ditubuhkan, Barisan Nasional (BN) gagal memperoleh majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat. Bagi Selangor, Perak dan Kedah inilah kali pertama kerajaan negeri jatuh ke tangan parti pembangkang. Ini menjadikan lima buah negeri, termasuk Pulau Pinang dan Kelantan yang dikuasai parti pembangkang selepas PRU ke-12. Buat pertama kalinya juga dalam banyak kawasan, pengundian tidak lagi berdasarkan kaum atau agama tetapi parti yang diwakili calon, sama ada parti pembangkang atau parti pemerintah. Kekalahan teruk BN seakan membenarkan andaian bahawa ramai pengundi yang keluar mengundi dengan tujuan untuk mengundi parti selain BN, tanpa mengambilkira parti yang lain itu. Dengan itu berlakulah pola pengundian yang calon Melayu mendapat sokongan kuat pengundi Cina dan India dan sebaliknya. Pengundi atau masyarakat Malaysia pada kali ini mula memperlihatkan kekuasaan mereka sebagai ‘kerajaan oleh rakyat’ dalam konteks sistem demokrasi. Fenomena ini dirujuk oleh kebanyakan media utama dan masyarakat Malaysia sebagai ‘tsunami politik’.*

*Katakunci:* *Pilihan Raya, Tsunami Politik, BN*

*The result of to 2008 General Election was a shock to many. For the first time since its establishment, BN failed to gain two third majority in Dewan Rakyat. At the state level, the legislative body in Selangor, Perak, Kedah, Kelantan and Pulau Pinang were also won by the opposition party. For the first time the pattern of voting behaviour was not based on ethnicity or religion. Some Malay candidates were benefited and supported by Indian and Chinese voters. The BN's failure highlights that majority of voters were capable of swinging their votes. Through this election, the voters clearly demonstrated their capability to select the ‘government by the people’ within the context of a democratic system. This phenomenon was thus widely referred to as “Political Tsunami”.*

*Keywords:* *Election, Political Tsunami, BN.*

## Pendahuluan

Perilaku pengundi Malaysia pada kali ini adalah kebalikan daripada praktik lalu, yang golongan diperintah atau rakyat sering dilihat sebagai subjek mobilisasi pemerintahan berbanding sebagai elemen penting dalam amalan demokrasi negara.<sup>1</sup> Persoalannya, mengapakah baru kini masyarakat Malaysia sedikit sebanyak berupaya memperlihat kekuasaan selaras dengan diktum popular Abraham Lincoln “kerajaan daripada rakyat.” Sebelum PRU 2008, rakyat Malaysia seringkali dikaitkan dengan budaya politik feudalisme dengan ciri-ciri submisif, pasif, subjek, taat dan setia tidak berbelah bahagi kepada pemerintah (Chandra 1971; Syed Husin Ali 2004; Nidzam 2002; Muhamad Nadzri 2007; 136). Sedangkan Malaysia telah merdeka sejak 1957 dan mendokong sistem politik demokrasi berparlimen yang antaranya menggariskan kebebasan asasi rakyatnya, semakan kuasa, selain mengalami cabaran arus modenisasi, pendemokrasian pendidikan dan globalisasi. Justeru, kebalikan amalan budaya subjek yang menjadi ciri umum masyarakat Malaysia khasnya kaum Melayu berbanding premis yang disediakan oleh struktur demokrasi Malaysia dan cabaran pendemokrasian semasa adalah menarik untuk diselidiki. Artikel ini akan menghujahkan bahawa adanya amalan dan budaya sedemikian membolehkan pihak pemerintah menguasai pemikiran rakyat dan seterusnya kerajaan selama lebih 50 tahun, walaupun terdapat banyak kelemahan dan kekurangan dalam pemerintahan. Parti pemerintah berjaya mendominasi setiap pilihan raya yang diadakan sehingga perubahan berlaku dalam Pilihan Raya ke-12 pada 8 Mac 2008. Untuk itu makalah ini akan membincangkan penguasaan selama lebih 50 tahun itu dalam konteks hegemoni dan kontra hegemoni yang memungkinkan berlakunya perubahan dalam pilihan raya 2008.

## Hegemoni Dalam Konstruksi Budaya Politik: Landasan Teoritikal Hegemoni

Berdasarkan kepada dikotomi tradisional, iaitu daripada pemikiran Machiavelli hingga kepada Pareto<sup>2</sup>, di antara paksaan dan kerelaan, Gramsci (1971) menyatakan ketinggian kekuasaan kumpulan atau kelas sosial boleh dimanifestasi dalam dua bentuk; iaitu dominasi secara kekerasaan dan paksaan, dan kepimpinan berdasarkan intelektual dan moral. Dalam erti kata lain, kawalan sosial mempunyai dua bentuk yang asas iaitu selain daripada mempengaruhi tingkah laku dan pilihan secara luaran melalui ganjaran dan hukuman, ia juga akan memberi kesan secara dalaman dengan membentuk suatu penghukuman personal sebagai sebuah replika di dalam norma yang telah sedia wujud. Kawalan dalaman tersebut adalah berdasarkan kepada hegemoni, yang merujuk kepada suatu aturan moral-sosial dominan yang bersamanya terkandung cara berfikir dan bertingkah laku. Bagi Gramsci (1971) lagi, melalui hegemoni keakuran boleh didapati

<sup>1</sup>Sebelum PRU 2008, PRU 1969 dan 1999 turut mencatatkan gelombang tsunami politik. Namun selepas PRU 1969, darurat diisyiharkan dan Malaysia ditadbir oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Tidak lama kemudian kepimpinan Razak Hussein berjaya mengurangkan ‘politicking’ dengan membentuk Parti Barisan Nasional yang membawa masuk beberapa parti pembangkang dalam gabungan parti pemerintah. Lantaran itu, majoriti dua pertiga parti pemerintah dapat dikekalkan. Pada PRU 1999, meskipun pakatan parti pembangkang (Barisan Alternatif) berjaya menguasai dua buah negeri di semenanjung, namun penguasaan dua pertiga parti BN di Dewan Rakyat turut berjaya dikekalkan.

<sup>2</sup>Jika Machiavelli (1975) dalam ‘The Prince’ menekankan keberkesanan tindakan elit berbanding persoalan moral dalam usaha untuk mengekalkan rejim, Pareto pula dalam ‘Elites and Power’ (1970) menghujahkan elit mentadbir masyarakat berdasarkan ‘paksaan dan penipuan’- iaitu melibatkan penindasan dan kelicihan.

secara sukarela berbanding penggunaan kekerasan sebuah kumpulan atau kelas terhadap kelas yang lain. Justeru apabila tindakan pendominasian dilakukan oleh jentera pemerintah, justifikasi kepimpinan intelektual dan moral akan diserap dan digembargemburkan di dalamnya terutamanya melalui masyarakat civil, perhimpunan tokoh pendidikan, institusi agama dan persatuan. Untuk itu hegemoni didapati melalui pelbagai cara yang institusi masyarakat civil beroperasi untuk membentuk secara langsung atau tidak langsung struktur kognitif dan efektif yang manusia memikirkan dan menilai permasalahan dalam realiti sosial (Gramsci 1971: 206-275; Femia 1981: 24).

Ransome (1992) pula melihat terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh Gramsci dalam konsep hegemoni. Pertama, dalam konsep penghalang sejarah (*historical bloc*) dimana Gramsci menekankan kejayaan menggulingkan sesebuah kelas atau kumpulan sosial oleh kelas lain, bergantung kepada kekuatan kesepaduan dalam kelas sosial tersebut dan kumpulan lain yang bersimpati atau menyokong perjuangan kumpulan tersebut. Apa yang penting, penghalang sejarah yang baru haruslah mendapat sokongan ramai. Dalam usaha untuk mendapatkan sokongan ramai, sesebuah kelas sosial mestilah memberikan kepimpinan dan arahan sebelum, semasa dan selepas revolusi. Apabila segala prasyarat ini dipenuhi maka barulah kelas sosial tersebut berada dalam keadaan hegemonik. Selanjutnya, kelangsungan keadaan ini bergantung kepada setinggi mana darjah hegemoni kelas sosial itu dapat dicapai (Ransome 1992: 150).

Kedua, Gramsci menggunakan konsep hegemoni untuk memerihalkan kepelbagaian kaedah yang ada sebagai kawalan sosial oleh kumpulan sosial yang dominan. Beliau membezakan kawalan melalui kekerasan (*coercive control*) yang boleh dimanifestasi melalui kekerasan langsung atau ancaman untuk kekerasan, dan kawalan melalui keizinan (*consensual control*) yang muncul apabila individu secara ‘sanggup’ atau ‘sukarela’ berasimilasi dengan pandangan (*world-view*) atau hegemoni kumpulan dominan; iaitu satu asimilasi yang membenarkan kumpulan dominan untuk menjadi hegemonik. Menurutnya kekerasan boleh dilakukan dalam bentuk fizikal melalui institusi-institusi penindas pemerintah, terutamanya institusi ketenteraan, polis dan sistem perundangan. Manakala keizinan atau persetujuan dilakukan secara ‘intelektual’ melalui masyarakat civil seperti institusi agama, sistem pendidikan dan institusi kekeluargaan. Menurut beliau lagi semua institusi mempunyai kesan idealisasi dan material kepada para individu, justeru secara realitinya kekerasan dan keizinan cenderung untuk digabungkan (Ransome 1992: 150).

Ketiga, dengan menjelaskan golongan borjuis dalam dunia demokratik moden yang mengekalkan kuasa terutamanya melalui kawalan hegemoni, Gramsci menghujahkan cabaran kepada kuasa tersebut perlu, sekurang-kurangnya berlaku dalam ruang politik dan intelektual pada kedua-dua substruktur dan superstruktur (Ransome 1992: 150-151).<sup>3</sup> Menurut Miliband (1982) pula, hegemoni sebenarnya adalah proses persaingan, perjuangan yang tetap, ikhtiar berterusan untuk mengekalkan kawalan ke atas ‘hati dan minda’ golongan kelas bawahan. Pelaksanaan hegemoni, pendek kata, tidak pernah berakhir (Miliband 1982: 76).

Anderson (1976) pula melihat terdapat tiga model yang berbeza dalam karya Gramsci berjudul *Prison Notebooks*. Model pertama adalah berkaitan dengan kepimpinan daripada sudut moral dan budaya yang diperaktikkan dalam ruang masyarakat civil. Pemerintah dilihat sebagai satu kuasa yang menindas melalui polis dan ketenteraan. Dalam model ini juga, kebanyakan golongan proletar percaya bahawa mereka telah menggunakan kuasa memilih bagi melantik pemerintah melalui pilihan raya. Berkenaan

dengan model kedua pula, hegemoni dilihat dipraktikkan kedua-duanya dalam negara (*state*) dan masyarakat sivil. Gramsci menekankan peri pentingnya institusi pendidikan dan perundungan dalam praktik hegemoni. Pendidikan dan pendasaran (*policing*) adalah aktiviti penting dalam membina hegemoni di Eropah Barat pada awal kurun ke-20. Ini dapat difahami di dalam petikan berikut;

*“Setiap pemerintah adalah beretika selagi fungsi yang paling pentingnya adalah untuk meningkatkan tahap moral dan budaya masyarakat, tahap di mana ia selaras dengan keperluan pembangunan dalam pengeluaran sekaligus selari dengan kepentingan kelas dominan. Sekolah sebagai institusi pendidikan positif dan mahkamah sebagai institusi pendidikan negatif dan represif adalah aktiviti terpenting pemerintah: namun secara realitinya kedua-dua kaedah ini menuju ke arah matlamat yang sama, yang melibatkan apparatus hegemoni politik dan budaya kelas pemerintah”* (Gramsci 1971: 26)

Justeru, praktik hegemoni dalam model yang kedua turut melibatkan paksaan fizikal dalam bentuk aktiviti pihak polis dan penjara berdasarkan pengenalan serta penguatkuasaan undang-undang. Dalam model ketiga pula, Anderson (1976) melihat hujah Gramsci kelihatan telah menghapuskan perbezaan antara pemerintah dan masyarakat sivil yang beliau kadang-kadang merujuk pemerintah sebagai gabungan masyarakat politik dan masyarakat sivil. Bagi Anderson (1976) ini mungkin dapat difahami dalam petikan daripada karya Gramsci (1971) yang berikut:

*“pemerintah seharusnya difahami bukan sahaja sebagai aparatus kerajaan, tetapi juga aparatus ‘peribadi’ atau ‘hegemoni’ atau masyarakat sivil. Hegemoni... melibatkan tekanan peribadi, ke arah masyarakat sivil di mana ‘pemerintah’ juga adalah negara”* (Gramsci 1971: 28).

Oleh kerana itu, bagi Anderson (1976) perbezaan di antara masyarakat sivil dan politik telah dihapuskan (Anderson 1976: 5-78) (Bocock 1986: 28-30).

Ringkasnya, hegemoni dapatlah difahami sebagai kaedah pendominasian kelas dominan (termasuklah golongan pemerintah) ke atas massa daripada sudut minda dan fizikal dalam usaha untuk mendapat kepatuhan dan sokongan. Kaedah ini dijalankan menggunakan gabungan aparatus hegemoni yang berbentuk halus dan keras bagi menjana kerelaan dan keterpaksaan agar massa bertindak dan berfikir mengikut rentak yang ingin dicorakkan oleh pemerintah. Dapatlah dilihat di sini bahawa amalan dan tingkah laku masyarakat bukanlah satu warisan semulajadi tetapi hasil daripada satu konstruksi sosial yang akan dibincangkan dalam bahagian berikut.

## Konstruksi Sosial

Dalam memahami persoalan sama ada amalan dan tingkah laku masyarakat adalah satu warisan semulajadi atau sebaliknya, pendekatan konstruksi sosial menyediakan sebuah premis yang menarik untuk dijadikan asas. Burr (1995) umpamanya telah menggariskan beberapa elemen utama dalam pendekatan ini. Antara asasnya adalah sifat kritikal terhadap ilmu yang sebelum ini cenderung untuk diambil mudah khasnya berkaitan budaya dan sejarah. Baginya juga keberlangsungan ilmu adalah satu proses sosial dan tindakan masyarakat adalah berasaskan ilmu yang telah mereka fahami (Burr 1995 : 3-5).

Menurut Nidzam (2006) pula pendekatan konstruksi sosial cuba menjelaskan bahawa apa jua perkara yang wujud di dunia bukanlah sesuatu yang bersifat telah sedia wujud atau pun *given*. Sebaliknya kesemua perkara yang wujud merupakan suatu konstruksi yang dibina, dibentuk atau dihasilkan sama ada secara sedar atau tidak, secara sengaja atau tidak oleh pihak yang tertentu melalui proses sejarahnya yang tersendiri. Justeru konstruksi sosial mengingatkan umum supaya menjadi kritikal dan tidak menerima ilmu dengan mudah meskipun selama ini ia diterima dengan mudah (Nidzam 2006: 41).

Hobsbawm dan Ranger (1983) telah menganalisis bagaimana elemen budaya atau identiti sesuatu masyarakat boleh berubah dari semasa ke semasa. Misalnya tradisi memakai kain *kilt* bagi masyarakat Scotland yang sebenarnya tidak wujud sebagai tradisi masyarakat tersebut sebelumnya sebaliknya berasal dari England. Kini masyarakat Scotland telah berjaya mengkonstruksi amalan memakai *kilt* sebagai tradisi khasnya semasa hari perayaan serta kebesaran sehingga menjadi salah satu ciri unik masyarakat tersebut dan popular di kalangan masyarakat seluruh dunia (Hobsbawm & Ranger 1983).

Shamsul (1996) menghujahkan identiti sesebuah kaum umpamanya bahasa adat dan kepercayaan adalah sesuatu bersifat dinamik. Ini adalah kerana ia dilihat sebagai sentiasa mengalami perubahan iaitu ia boleh dipinda, dijelmakan semula, diubahsuai dan direkonstruksi dalam bentuk baru. Umpamanya penggunaan istilah ‘hamba’ yang merujuk kepada diri sendiri pada zaman pemerintahan Melayu tradisional yang tidak lagi digunakan oleh masyarakat Melayu kini (Shamsul 1996).

Justeru berdasarkan kerangka konseptual di atas, dapatlah dirumuskan bahawa budaya politik khasnya di negara demokrasi hegemonik bukanlah sesuatu yang muncul secara semulajadi, tetapi ia boleh dibentuk, diubahsuai dan dihapuskan khususnya oleh golongan dominan dalam masyarakat melalui proses hegemoni yang berterusan daripada zaman sebelum merdeka sehingga selepas kemerdekaan.

## **Konstruksi Neofeudalisme dalam Budaya Politik Pascakemerdekaan**

Sebagaimana kebanyakan negara koloni British yang lain, Malaysia telah mengadaptasi sistem demokrasi model Britain, iaitu demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sebagai sistem pemerintahan setelah mencapai kemerdekaan. Oleh yang demikian struktur pemerintahan demokratik dimanifestasikan dan diberi kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan, iaitu undang-undang tertinggi persekutuan (Artikel 4: 1). Dalam Perlembagaan Persekutuan, kita dapat melihat dengan jelas penerapan konsep pengasingan kuasa di antara badan kerajaan terutamanya peruntukan kebebasan kehakiman di sebalik percantuman kuasa badan eksekutif dan badan perundangan, peruntukan kuasa Yang Di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-raja, peruntukan kuasa badan perundangan dan peruntukan kebebasan asasi masyarakat Malaysia. Berdasarkan peruntukan kuasa ini, secara idealnya niat para penggubal Perlembagaan Persekutuan dapatlah ditafsirkan sebagai untuk melahirkan sistem pemerintahan dan masyarakat Malaysia yang bukan sahaja demokratik, tetapi juga berpartisipasi aktif dalam menyuburkan amalan demokrasi di samping mendukung prinsip kedaulatan undang-undang.

Namun setelah lima puluh tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, hasrat para penggubal Perlembagaan Persekutuan adalah jauh daripada kesampaian. Bukan sahaja budaya politik demokratik gagal dihasilkan, sebaliknya budaya politik feudal yang

dipraktikkan semasa zaman prakemerdekaan secara relatifnya terus menjadi cara dan amalan masyarakat Malaysia terutamanya di kalangan orang Melayu walaupun telah menjalani arus pemodenan dan yang terkini, arus globalisasi. Budaya politik feudal yang terus kekal dalam sistem pemerintahan pasca kemerdekaan Malaysia ini umumnya dirujuk oleh beberapa sarjana sains sosial sebagai budaya politik neofeudal. Menurut Syed Husin Ali (2004) neofeudal merujuk kepada “nilai-nilai lama yang wujud semula atau berterusan dalam bentuk dan suasana yang baru” (Syed Husin Ali 2004: 10). Syed Hussien Alatas (1968) pula menyifatkan “neofeudalisme Melayu adalah penerusan amalan feudalisme Melayu tradisional di zaman moden” (Syed Hussien Alatas 1968 : 579). Nilai ketaatsetian ini bukan sahaja wujud daripada segi keakuran fizikal tetapi juga daripada sudut pemikiran sebagaimana yang dirujuk oleh Syed Hussien Alatas (1968) sebagai psikologi feudalisme.

Nilai neofeudal yang terjelma dalam sistem demokrasi Malaysia, umumnya tidak dianggap oleh pemerintah dan rakyat sebagai berlawanan dengan nilai demokratik yang sepatutnya terbentuk, tetapi nilai ini pula dianggap nilai perdana yang patut diikuti dalam sistem demokrasi alaMalaysia. Dapatlah diperhatikan bahawa melalui konstruksi sosial nilai neofeudal dihidupkan dan disuburkan sebagai satu mekanisme hegemoni dalam masyarakat.

## **Dominasi Superstruktur**

Dalam teori sosiologi Marxis, Karl Marx menghujahkan sistem kemasyarakatan terbahagi kepada dua bahagian, iaitu bahagian substruktur yang berbentuk material dan superstruktur yang berbentuk bukan material. Bahagian substruktur (ekonomi dan kelas sosial) adalah asas yang menentukan bentuk superstruktur sesebuah masyarakat. Bahagian superstruktur terdiri daripada institusi bukan material dalam masyarakat dan setiap satunya disusun berdasarkan kesesuaian dengan kelas pemerintah. Fungsi superstruktur adalah untuk menjamin penerusan dominasi pemerintah dan mengekalkan kedudukan massa sebagai subjek (Baradat 2000 : 169). Superstruktur inilah berdasarkan analisis Gramsci (1971) yang telah membentuk penghalang sejarah ke arah sistem sosialisme dengan menggula-gulakan pemikiran serta mengikat kaki dan tangan massa dengan kesedaran palsu yang dijana oleh kelas dominan dalam masyarakat. Penguasaan superstruktur oleh mana-mana kelompok sosial akan meletakkan mereka dalam kedudukan hegemonik bagi melakukan hegemoni. Justeru, penguasaan total dalam ruang superstruktur akan menjadikan aktiviti penghegemonian lebih berkesan.

Hegemoni boleh dilakukan melalui paksaan dan secara intelektual (iaitu secara halus), namun umumnya ia berlaku serentak bagi membentuk kepatuhan dan keterpaksaan massa untuk akur dengan rejim pemerintah semasa. Umpamanya, dalam membabitkan persoalan undang-undang yang bersifat kejam dan tidak adil (seperti ditahan tanpa bicara) dijustifikasi dengan tujuan keselamatan negara secara intelektual. Ini membuatkan sebahagian anggota masyarakat menerima undang-undang tersebut kerana dianggap sebagai sesuatu yang munasabah, logik atau rasional walaupun mendokong sistem demokrasi.

Meskipun kedua-dua bentuk hegemoni sering hadir serentak, namun bagi Gramsci (1971) penguasaan minda adalah lebih kritikal, kerana mindalah yang mengawal tubuh badan. Dalam konteks masyarakat Malaysia, taraf pemimpin itu telah sedia terbentuk melalui konstruksi budaya dan pemikiran politik feudal sebelum kemerdekaan. Golongan ini umumnya ada gelaran feudalistik pada nama masing-masing seperti Raja, Tunku,

Tengku dan Dato' yang memperkukuhan konstruksi strata kelas atasan dan bawahan dalam masyarakat.

Justeru apabila golongan ini yang memerintah atau memegang tumpuk kuasa, kecenderungan untuk masyarakat menerima mereka adalah tinggi kerana telah dibudayakan bahawa golongan kelas atasan sememangnya layak dan wajar untuk memegang tumpuk kuasa kerana kedudukan sosial mereka yang tinggi.

Di kalangan orang Melayu misalnya, UMNO seringkali menonjolkan imejnya sebagai pelindung kepada kepentingan orang Melayu. Imej perlindungan UMNO ke atas kepentingan Melayu nampak lebih ketara kerana UMNO adalah parti yang paling dominan dalam konteks politik Malaysia sehingga kini. Malah kesemua Perdana Menteri Malaysia setakat ini adalah pemimpin tertinggi UMNO. Pemimpin UMNO juga merupakan ketua gabungan Parti Perikatan dan seterusnya Barisan Nasional yang kekal berkuasa semenjak merdeka. Ini memperlihatkan pengekalan penguasaan politik dalam tangan pemimpin Melayu pada zaman pasca kemerdekaan Malaysia. Ini turut menganjurkan kontruksi peranan Perdana Menteri sebagai Raja Melayu (pemerintah) pada zaman moden. Lebih-lebih lagi, apabila perjuangan politik Malaysia seringkali bergerak atas landasan perkauman, dan pemimpin (pelindung) Melayu akan tampil ke hadapan bagi melindungi komunitinya. Walau bagaimanapun, perlindungan yang diberikan tidaklah percuma. Sama seperti perlindungan yang diberikan oleh seorang Raja atau Sultan semasa zaman kesultanan Melayu tradisional. Perlindungan itu mestilah dibalas dengan sokongan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada pemerintah. Ini boleh dilakukan kerana kedudukan elit UMNO yang tinggi dalam struktur sosial dan politik Melayu menyediakan ruang kepada pemimpin UMNO khasnya pemimpin tertingginya menjadi hegemonik, iaitu berupaya menguasai sistem kemasyarakatan dengan dominasi ruang superstruktur. Hubungan yang sama juga wujud di antara pemimpin-pengikut di kalangan orang bukan Melayu di Malaysia (Chandra 1979).

Selain itu, UMNO dan BN kini juga kerap kali menggunakan kedudukan sebagai raja pada zaman moden Malaysia untuk meuar-uarkan kemakmuran atau dalam konteks kini membawa pembangunan kepada rakyat terutamanya semasa kempen pilihan raya. Semasa kempen pilihan raya, laungan dan janji pembangunan sering menjadi modal parti pemerintah jika rakyat terus setia dan menyokong parti pemerintah. Misalnya semasa pilihan raya kecil DUN Ijok April 2007, Najib Razak selaku Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO secara terang-terangan menyatakan kerajaan mempunyai pelbagai rancangan untuk membangunkan Ijok, tetapi jika rakyat Ijok tidak menyokong kerajaan, beliau mempersoalkan bagaimanakah kerajaan boleh melaksanakan rancangan tersebut. Ini adalah satu penafian hak kepada pembangunan dan ekonomi yang ketara dilakukan oleh pemerintah, yang menyokong dibantu tetapi yang tidak menyokong dikurangkan bantuannya. Kaedah ini tidaklah unik di Ijok, tetapi kerap kali dilakukan oleh parti pemerintah dalam kempen pilihan raya bagi memperlihatkan kedudukan parti pemerintah sebagai pembawa kemakmuran ekonomi dan pembangunan kepada rakyat jelata (Muhamad Nadzri 2007: 77-87).

Sebagaimana yang telah disentuh secara ringkas di atas, untuk menjadi hegemoni lebih berkesan dalam mengkonstruksi rakyat yang akur, setia dan sentiasa menyokong pemerintah, maka penguasaan total dalam ruang superstruktur adalah satu kemestian. Meskipun kedudukan hegemonik telah diwarisi daripada kebudayaan Melayu feudal, ia tidaklah memadai kerana budaya adalah sesuatu yang bersifat fleksibel dan dinamik, iaitu ia boleh diubah, diubahsuai, diperkuuhkan dan malahan juga dihapuskan. Begitu juga dengan kedudukan hegemonik, ia bukanlah sesuatu yang kekal. Ia boleh diganggu-gugat

dan diambilalih oleh kelompok sosial yang lain jika tidak dipertahankan dengan baik. Oleh yang demikian dalam sistem demokrasi yang hegemonik, kawalan ke atas ruang superstruktur tidak dapat dielakkan.

Kawalan politik terutamanya dalam aspek superstruktur adalah salah satu faktor asas yang mendorong kejayaan parti pemerintah yang sehingga kini memenangi kesemua PRU Malaysia pada peringkat persekutuan. Ini adalah kerana dengan kedudukan hegemonik, pemimpin utama parti pemerintah boleh menggunakan segala institusi dan aparatus negara untuk menguasai setiap entiti hegemonik dalam ruang superstruktur agar hegemoni pemerintah dapat terus dipertahankan dan diperkuuhkan. Ini termasuklah pengawalan dan penguasaan alat sosialisasi politik atau alat hegemoni khasnya yang berkaitan dengan konstruksi pemikiran dan pergerakan masyarakat mengikut acuan pemerintah. Kawalan dan penguasaan alat sosialisasi yang berkaitan dengan konstruksi pemikiran termasuklah media massa, masyarakat sivil, sistem pendidikan dan parti politik. Manakala kawalan dan penguasaan konstruksi pergerakan massa termasuklah undang-undang, badan kehakiman, polis dan tentera. Namun sebagaimana yang telah disentuh sebelum ini, setiap alat sosialisasi politik ini juga boleh memberi kesan konstruksi dalam pemikiran dan pergerakan secara serentak.

Media massa adalah antara alat sosialisasi politik yang efektif dalam konstruksi pemikiran dan sosial lebih-lebih lagi apabila kerajaan berupaya untuk memiliki atau mengawal media massa secara total. Umumnya media massa terbahagi kepada dua iaitu media cetak (contohnya akhbar dan majalah) dan media siaran (contohnya televisyen dan radio) dan kedua-duanya memainkan peranan penting sebagai penyampai maklumat daripada pemerintah kepada massa dan juga sebagai agen sosialisasi politik. Akhbar aliran perdana umumnya bukan sahaja dikawal oleh pemerintah tetapi juga dimiliki secara tidak langsung oleh parti pemerintah. Akhbar-akhbar utama di Malaysia seperti *Utusan Malaysia, Berita Harian, New Strait Times, The Star, Nanyang Siang Pau, China Press, Tamil Nesan* dan *Tamil Namban* dimiliki secara tidak langsung oleh parti pemerintah melalui syarikat pemegang amanah bagi parti-parti pemerintah (Gomez 1990: 64; Jamaie 2005: 126-127 ; Syed Husin 2004: 330-331). Misalnya syarikat pemegang amanah UMNO iaitu Fleet Holdings untuk menjaga kepentingan perniagaan bagi parti tersebut (Gomez 1994: 58). Ini tidak pula termasuk majalah-majalah yang dimiliki oleh anak-anak syarikat akhbar tersebut. Selain menguasai pemilikan hampir keseluruhan media cetak utama di Malaysia, Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 turut dikuatkuaskan di mana setiap syarikat media cetak perlu memperbarui permit setiap tahun untuk terus beroperasi. Pengalaman Malaysia telah memperlihatkan tindakan selektif telah diambil oleh pemerintah jika terdapat media cetak yang terbuka dan bersifat kritikal kepada pemerintah seperti penggantungan dan penarikan permit operasi sebagaimana yang pernah dikenakan teradap *The Star, Eksklusif, Detik* dan *Wasilah* (Syed Husin 2004).

Pemilikan dan kawalan tegar pemerintah dalam media cetak tidak lain daripada bertujuan untuk kepentingan politik, iaitu sebagai alat sosialisasi politik dan salah satu cara untuk mengekalkan kedudukan hegemonik pemerintah. Jika tidak masakan parti-parti politik utama pemerintah sanggup menghabiskan wang yang banyak semata-mata untuk membeli media cetak yang telah lama bebas dan mendapat tempat, sedangkan mereka boleh memperkenalkan akhbar-akhbar baru dengan kos yang lebih rendah. Justeru, dengan pengambilalihan media cetak utama ini, media ini tidak lagi menjadi media milik awam yang bersifat bebas, terbuka dan kritikal. Sebaliknya, sejak pengambilalihan sehingga kini ia bertindak sebagai organ dan agen parti pemerintah

dalam mengkonstruksi minda dan tindakan massa mengikut acuan pemerintah sekaligus menjadi antara penyebab kejayaan konstruksi pemikiran dan sosial neofeudal khususnya di kalangan komuniti Melayu dengan berkesan (Muhamad Nadzri 2007: 92).

Media siaran pula berperanan sebagai pelengkap kepada penguasaan pemerintah dalam media utama di Malaysia. Ia adalah satu usaha penuh pemerintah dalam mendominasi ruang pemikiran rakyat melalui media massa. Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) yang sepatutnya berperanan sebagai organ kerajaan, telah disalahgunakan sebagai alat parti pemerintah. Berita-berita yang dihidangkan dan dipersembahkan oleh RTM, umumnya menggunakan strategi sama dengan media cetak aliran perdana, iaitu menyelitkan laporan-laporan yang selektif bersifat menyokong pemerintah di samping memaparkan berita-berita yang lain. Kenyataan Menteri Penerangan Malaysia pada 1999 jelas membuktikan hal ini;

“The Government pays for RTM’s (Radio Television Malaysia) employees and the equipment used. So whoever is in the Government get to use RTM as their mouthpiece to air their manifesto and promises during a general election...RTM is not interested in inviting any opposition party for interviews over its channels. This has been our practice”

(The Star, Julai 3: 1999; James 2003:129)

Media siaran yang lain pula walaupun tidak dikuasai oleh pemerintah secara langsung, tetapi media tersebut dikawal oleh undang-undang seperti ISA, Akta Hasutan, Akta Fitnah dan pemberian serta pembaharuan lesen penyiaran. Justeru itu, untuk mengelak daripada ditutup atau dikenakan tindakan, media ini umumnya cenderung untuk menghidangkan berita dan laporan yang senada dengan aspirasi pemerintah. Selain itu, media utama di Malaysia lebih menekankan program-program hiburan dan program yang bersifat melekakan berbanding program-program yang berbentuk ilmiah dan kritikal kepada kelangsungan hidup massa (Muhamad Nadzri 2007: 94).

Media utama di Malaysia juga sering bertindak seolah-olah ia adalah sebuah institusi kehakiman. Misalnya semasa akuan bersumpah dibuat oleh Raja Petra Kamarudin di mahkamah tentang penglibatan Timbalan Perdana Menteri, Najib Razak dan isterinya berkenaan dengan kes pembunuhan Altantuya pada pertengahan tahun 2008, media membuat liputan besar-besaran kenyataan Najib bahawa kenyataan itu fitnah meskipun belum disiasat oleh pihak polis dan belum dibicarakan di mahkamah. Namun apabila Anwar Ibrahim dituduh dengan tuduhan kes liwat pada Julai 2008, gambaran negatif diberikan kepada beliau seolah-olah sememangnya beliau telah melakukan kesalahan itu, walaupun belum dibuktikan oleh pihak berkuasa.

Dalam ruang masyarakat sivil pula, hambatan undang-undang semi autokratik dialami oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khasnya yang bersifat bebas atau yang propembangkang. Terdapat juga NGO yang agak dominan di kalangan massa seperti Majlis Belia Malaysia (MBM), Belia 4B dan Yayasan Budi Penyayang (sekadar menyebut beberapa contoh), tetapi badan-badan tersebut adalah badan NGO yang sekadar pada nama sahaja, sebaliknya diduduki atau diketuai oleh pemimpin parti politik pemerintah sekaligus gagal memainkan peranan sebagai agen masyarakat sivil dalam mempengaruhi keputusan kerajaan dengan memberikan pandangan dan pendirian yang objektif dan bebas. Oleh yang demikian penubuhan badan-badan ‘NGO’ seumpama ini adalah usaha perluasan hegemoni pemerintah dalam ruang umum untuk mengilang kepautuhan dan keakuruan di kalangan massa.

Institusi sekolah juga telah dijadikan alat sosialisasi politik yang efektif oleh pemerintah. Di sinilah konstruksi budaya politik acuan pemerintah dan penerusan kepada budaya tersebut mula dilakukan kepada generasi muda secara rasmi. Selain daripada ikrar Rukunegara sebagai ideologi membentuk rakyat yang taat setia dan tidak berbelah bahagi kepada negara, peristiwa tentang kejayaan perjuangan, wawasan dan pencapaian negara di bawah kepimpinan pemerintah, dijadikan antara silibus utama pembelajaran di sekolah. Isi kandungan buku teks sejarah dan bahasa Melayu misal cenderung memperlihatkan gambaran positif dan ketertinggian kedudukan pihak pemerintah, misalnya perjuangan Tunku Abdul Rahman dalam menuntut kemerdekaan sehingga digelar sebagai Bapa Kemerdekaan. Pengaruh kepada gambaran-gambaran ini menjadi sangat tinggi sehingga ramai pelajar berasa teruja dengan pemerintah atau teruja untuk menjadi seperti pemerintah. Meletakkan pemerintah sebagai idola bagi pelajar sekolah adalah sesuatu yang umum di Malaysia. Gambar-gambar pemimpin negara yang digantung pada setiap kelas sedikit sebanyak menambahkan lagi rasa keterujaan mereka kepada pemerintah. Perkara ini bukan sahaja berlaku di sekolah sahaja tetapi juga di universiti melalui subjek-subjek yang menganjurkan ketinggian kedudukan dan agenda propemerintah seperti subjek *Kenegaraan* dan *Minda Mahathir*.

Kepentingan institusi pendidikan sebagai alat hegemoni boleh ditelusuri dalam isu penutupan dan cubaan pengambilalihan Sekolah Agama Rakyat (SAR) oleh kerajaan pusat di Kelantan pada tahun 2003. Kerajaan Persekutuan telah memberikan pelbagai alasan mengapa sekolah itu perlu ditutup atau diambilalih oleh mereka. Diantara alasan yang diberikan oleh faktor ketidakupayaan kewangan kerajaan negeri Kelantan (yang dikuasai oleh parti pembangkang) dan infrastruktur sekolah yang daif. Walau bagaimanapun, jika kerajaan BN benar-benar ikhlas hendak membantu SAR dan pelajarnya, SAR tidak perlu ditutup atau diambilalih oleh kerajaan pusat. Sebaliknya SAR mungkin boleh diberikan peruntukan kewangan yang secukupnya agar kedudukan kewangan sekolah dapat dipulihkan dan infrastrukturnya boleh diperbaiki. Sebagai sebahagian segmen dalam masyarakat Malaysia mereka juga ada hak untuk menerima bantuan dan peruntukan sedemikian oleh kerajaan seperti mana yang diterima oleh sekolah-sekolah lain. Sebaliknya dalam hal ini, kerajaan pusat tidak berbuat demikian. Pilihan yang diberikan kepada kerajaan negeri Kelantan adalah sama ada untuk dibiarkan atau diambilalih oleh kerajaan pusat. Ini adalah salah satu strategi untuk menghapuskan agen *counter-hegemony* pemerintah bagi memastikan konstruksi yang dibina pemerintah tidak digangu-gugat.

Selain itu parti politik pemerintah turut mengambil inisiatif lain dalam memperhebatkan peranannya sebagai agen sosialisasi politik. Antaranya membuka dan memperluaskan keahlian kepada seluruh lapisan masyarakat dengan pelbagai cara; menguasai Jawatankuasa Kebajikan dan Keselamatan Kampung dan Kelab Rukun Tetangga kawasan perumahan, memasuki universiti untuk membina pakatan, persefahaman dan program bersama pemimpin pelajar dan pelbagai kaedah lagi. Justeru dengan kedudukan ini, proses sosialisasi politik dilakukan dengan menyampaikan ideologi parti dalam usaha untuk membuatkan rakyat beraspirasikan dengan perjuangan pemerintah dan seterusnya memberi sokongan kepada mereka. Dengan kedudukan yang hegemonik sedemikian tidaklah menghairankan apabila parti pemerintah berjaya mempertahankan kedudukannya dalam politik dan penguasaannya terhadap massa daripada satu pilihan raya kepada pilihan raya yang lain. Wujud satu situasi timbal balik yang saling mengukuhkan di antara satu dengan yang lain. Sebahagian anggota masyarakat menganggap dan percaya bahawa hanya BN sahaja yang boleh

berpengalaman untuk memerintah Malaysia. Pada pihak yang lain pula, sebahagian pemimpin seakan beranggapan kuasa untuk memerintah negara ini adalah hak eksklusif mereka. Walau bagaimanapun sebagaimana yang dinyatakan di atas, hegemoni tidak kekal sifatnya tetapi boleh dibentuk, diubah, dicabar dan ditolak.

Perubahan mendadak dan mengejutkan dalam PRU ke-12 adalah manifestasi bagaimana hegemoni yang telah dibentuk selama ini mula dicabar dan sebahagian masyarakat mula menolaknya. Dengan penolakan itu, tiang seri dan asas sokongan kepada parti pemerintah mula runtuh dan membawa bersamanya kemerosotan sokongan kepada BN secara besar-besaran dalam PRU ke-12 dan membawa kemenangan paling besar dalam sejarah parti pembangkang di Malaysia. Penolakan terhadap hegemoni ini akan dijelaskan dalam konteks substruktur dan superstruktur sebagaimana yang telah disebut dalam bahagian awal tulisan ini.

## **Kontra Hegemoni dan PRU 2008**

Meskipun konstruksi neofeudalisme seringkali cuba diperkuuhkan dari semasa ke semasa dengan dengan gaya politik lama dan feudal seperti perkauman dan taat setia kaum masing-masing kepada pemimpin mereka. Namun pengalaman kontemporari politik Malaysia kini mula melakarkan praktik yang merupakan kebalikan daripada apa yang cuba untuk dikontruksikan oleh parti pemerintah, iaitu politik baru yang menekankan isu-isu kesejagatian, merentasi garisan etnik dan kelas dan penggunaan media baru. Perubahan yang berlaku dalam PRU ke-12 akan dilihat dalam konteks kegoyahan yang berlaku dalam superstruktur dan substruktur. Masalah ekonomi yang dihadapi rakyat selepas PRU ke-11 2004 dan berleluasanya penggunaan dan pengaruh media baru yang telah memberi kesan kepada kedua-dua struktur berkenaan sehingga hegemoni yang wujud selama ini mula dicabar dan ditolak.

Berasaskan sistem quasi kapitalisme yang didokong oleh Malaysia, maka wujud dua perkara asas yang memberi impak kepada masyarakat. Pertama, pengaruh ekonomi dalam memotivasi tindakan masyarakat adalah sukar untuk dielakkan kerana keberlangsungan kehidupan mereka bergantung kepada keadaan ekonomi. Kedua, oleh kerana campurtangan kerajaan dalam sistem seumpama ini adalah tinggi, maka jika berlaku masalah ekonomi yang mendesak keberlangsungan hidup mereka, kebergantungan dan pengharapan massa yang tinggi kepada kerajaan tidak dapat dielakkan. Pada ketika ini mereka cenderung memerhatikan apakah tindakan dan keputusan kerajaan untuk memperbaiki atau menyelesaikan keadaan tersebut. Pengalaman politik Malaysia menunjukkan bahawa jika keadaan ekonomi tidak mendesak, sokongan cenderung diberikan kepada pemerintah meskipun wujud isu dominan lain seperti rasuah, salahguna kuasa dan ketidakadilan sebagaimana dalam PRU 1990, 1995 dan 2004 (Ghazali 2006). Namun kini, jika keadaan ekonomi mendesak kehidupan rakyat, maka wujud kecenderungan untuk politik baru muncul. Gelombang politik baru yang pertama muncul pada PRU 1999 selepas berlaku Krisis Matawang Asia Pasifik 1997 yang membuatkan Malaysia hampir terpaksa meminjam wang dari badan kewangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kewujudan fenomena ini diperkuuhkan oleh faktor pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan pembentukan pakatan pembangkang yang agak mantap iaitu Barisan Alternatif. Namun keberkesanan kepimpinan Dr Mahathir dalam menangani krisis tersebut membuatkan sebahagian besar masyarakat masih lagi dapat menyokong kepimpinannya. Oleh itu majoriti dua pertiga dalam Dewan Rakyat dapat dikekalkan BN meskipun pun

pembangkang berjaya menambah jumlah kerusi satu kali ganda berbanding PRU 1995 dan berjaya merampas negeri Terengganu daripada penguasaan BN.

Masyarakat Malaysia di bawah kepimpinan Abdullah pula dibebani dengan desakan ekonomi sejak tahun 2005 sehingga kini (2008). Peningkatan kos sara hidup rakyat meningkat dengan mendadak melibatkan kenaikan kos bahan api (petroleum), makanan serta bahan-bahan untuk menyediakannya, harga rumah, kadar tol di samping kekurangan bahan mentah untuk menyediakan masakan seperti gula dan minyak masak.

Sejak Abdullah memegang tumpuk pemerintahan pada Oktober 2004 sehingga PRU 2008, harga bahan api telah dinaikkan sebanyak tiga kali (iaitu pada Mei dan Julai 2005 serta Februari 2006). Bahan bakar jenis RON 97 melibatkan kenaikan sehingga lima puluh sen seliter bagi petrol tanpa plumbum iaitu jenis yang paling banyak digunakan oleh masyarakat Malaysia. Perlu ditekankan disini, dengan sistem kapitalisme yang semakin kompleks kini, kos kenaikan bagi beberapa jenis sumber akan menyebabkan kos pengeluaran barang atau perkhidmatan lain turut meningkat. Sebagai bahan asas kepada sistem pengangkutan, kenaikan harga bahan api turut mempunyai kesan relatif ke atas produk atau perkhidmatan yang lain. Ini adalah kerana kenaikan harga bahan bakar bukan sahaja meningkatkan kos pengangkutan, tetapi turut menaikkan kebanyakan kos barang yang lain kerana pengangkutan diperlukan bagi tujuan pengedarannya.

Dalam pungutan suara yang dilakukan oleh Merdeka Centre<sup>3</sup> pada penghujung tahun 2007 berkenaan “Kesedaran dan Perspektif Masyarakat tentang Demonstrasi, Ekonomi, Isu Nasional dan Kepimpinan” mendapati masyarakat Malaysia meletakkan masalah ekonomi sebagai masalah utama negara berbanding dengan masalah lain. 24% masyarakat Malaysia yang berpendapat ekonomi adalah masalah utama negara dan rakyat melibatkan kenaikan harga barang serta inflasi (20%), pengangguran (3%) dan masalah ekonomi yang lain (1%). Masalah ini adalah lebih tinggi berbanding dengan masalah perkauman dan ketidaksamarataan (17%) dan jauh lebih tinggi masalah lain umpamanya jenayah/keselamatan awam (12%), masalah sosial (9%), rasuah (3%) dan politik (3%). Kajian juga memperlihatkan 70% daripada responden dalam kajian ini kurang berpuas hati dengan cara kerajaan menangani masalah ekonomi.

---

<sup>3</sup> MRC adalah sebuah firma yang ditubuhkan oleh beberapa ahli sains sosial dan profesional dalam bidang sains politik, ekonomi, komunikasi, pengurusan pemasaran dan masyarakat sivil yang kerap melakukan pungutan suara sejak tahun-tahun kebelakangan ini di Malaysia bagi menggalakkan proses pendemokrasi dan wacana awam. Seringkali kajian yang dilakukan melalui pungutan suara merupakan kerjasama dengan Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sebuah lagi pungutan suara dilakukan oleh MRC pada 23 hingga 27 Februari 2008 sempena PRU 2008 pada 8 Mac 2008 tentang "PRU 12: Pemerhatian ke atas Isu, Pola Pengundian dan Implikasinya". Pendapat umum pada kali ini bukan sahaja mengesahkan bahawa rakyat merasakan ekonomi adalah masalah utama mereka dan negara, malah pungutan suara kali ini turut mencatatkan peningkatan peratusan dalam meletakkan ekonomi sebagai masalah utama rakyat. 34% responden berpendapat ekonomi adalah masalah utama mereka, satu peningkatan sebanyak 10% berbanding pada pungutan suara yang dilakukan pada beberapa bulan sebelum ini. Daripada jumlah tersebut 27% melibatkan kenaikan harga barang serta kos sara hidup, 4% disebabkan oleh kekurangan peluang pekerjaan dan 3% disebabkan oleh keadaan ekonomi yang kurang memuaskan. Faktor ekonomi sekali lagi mendominasi masalah negara dan rakyat berbanding masalah lain. Masalah ekonomi melebihi masalah lain dengan lebih satu kali ganda umpamanya isu etnik (16%), jenayah (13%) masalah sosial (7%) dan rasuah (2%). Dalam menangani masalah ekonomi sebagai masalah utama yang melanda rakyat, 73% responden kurang berpuas hati dengan cara kerajaan menangani masalah tersebut.

Walau bagaimanapun, masalah ini tidak dititikberatkan oleh pihak parti pemerintah dan terus mengharapkan hegemoni yang dilakukan dalam ruang superstruktur berjaya mengekalkan sokongan masyarakat. Sebaliknya, akibat desakan ekonomi rakyat ini, hegemoni cenderung menjadi tidak berapa efektif kerana pengalaman yang dilalui masyarakat berbeza daripada apa yang diretorikkan. Mereka juga sudah tahu apakah dasar dan tindakan kerajaan jika kemenangan terus diberikan kepada BN. Bagi mengelakkan hal ini terus berlaku atau dapat diubah, maka sokongan kepada BN menurun dan sokongan kepada parti pembangkang meningkat dengan ketara dalam PRU ke-12 ini.

Selain daripada mengalami kegoyahan dalam substruktur dalam bentuk masalah ekonomi, superstruktur dalam zaman Abdullah dipertikaikan dan dicabar. Sebahagiannya adalah kesan yang tidak diduga dan dirancang oleh Abdullah bertitik tolak daripada kelembutan peribadi dan kewibawaan kepimpinannya sendiri. Kawalan pemerintah terhadap superstruktur tergugat apabila dicabar secara berterusan sama ada daripada kalangan pemerintah sendiri atau parti pembangkang, NGO dan rakyat. Dasar dan tindakan kerajaan hampir dalam semua aspek dipersoalkan dan dipertikaikan. Pemimpin dari parti yang memerintah, sama ada Melayu atau bukan Melayu, semakin berani mengkritik dan menegur kerajaan dan mencabar kepimpinannya sehingga menteri kabinetnya menghantar memorandum kepadanya. Penentangan dari luar pula dimanifestasikan antaranya oleh perhimpunan dan tunjuk perasaan anjuran BERSIH dan HINDRAF. Ruang yang dibuka semasa pemerintahan Abdullah ini, sama ada sengaja atau tidak, memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kesedaran dan pengetahuan politik massa khususnya dan pembangunan politik Malaysia umumnya. Tidak dapat dinafikan Abdullah mengambil sikap yang lebih bertolak ansur, terbuka dan liberal terhadap penentang dan mereka yang tidak sependapat dengannya berbanding dengan Perdana Menteri sebelumnya, Dr. Mahathir Mohamad. Ruang ini membolehkan penentangan dan kritikan yang lebih menyeluruh terhadap pelbagai aspek superstruktur pada zaman Abdullah seperti pendidikan, perundangan dan kehakiman, kepolisan dan keselamatan serta bahasa dan agama.

Bagi pemerintah, ruang yang lebih luas dan cabaran terhadap superstruktur diburukkan lagi oleh krisis kredibiliti media massa yang di bawah penguasaan kerajaan sama ada secara langsung atau tidak. Bagi setengah golongan terutamanya di kawasan bandar, TV, radio dan akhbar tidak lagi menjadi sumber maklumat utama kepada mereka

semenjak beberapa tahun yang lepas. Oleh itu salah satu alat dan sumber hegemoni pemerintah boleh dikatakan tidak lagi berfungsi di kalangan sebahagian rakyat Malaysia. Bagi golongan ini, TV dan akhbar bukanlah lagi media perdana kepada mereka tetapi telah diturunkan statusnya menjadi media alternatif. Sebaliknya media perdana bagi golongan ini ialah internet, laman web, blog dan forum. Dengan perubahan ini bukan sahaja maklumat dan propaganda tidak sampai kepada sasarannya, tetapi golongan ini juga memperoleh maklumat yang cuba disorok, menjadi lebih terbuka, lebih kritikal dan lebih berani sesuai dengan sifat keterbukaan dan kemayaan media perdana baru itu.

## Kesimpulan

Taraf kedudukan pemerintah di Malaysia pra-PRU ke-12 adalah disebabkan oleh konstruksi superstruktur yang membuatkan mereka menjadi sangat hegemonik dalam politik Malaysia. Semasa zaman Kesultanan Melayu Tradisional, pengaruh agama khasnya Hinduisme-Buddhisme telah mencorak sistem kemasyarakatan dan pemikiran bahawa golongan pemerintah berada di tempat yang terlalu tinggi dan mulia berbanding dengan rakyat yang hina dan tidak mempunyai apa-apa hak selain taat setia kepada pemerintah. Kedudukan hegemonik ini membuatkan rakyat sering menjadi alat mobilisasi pemerintah. Ibarat kata-kata “Pantang Melayu menderhaka kepada sultannya”. Justeru apa yang dilakukan dan diperkatakan oleh pemerintah, itulah yang sering menjadi ikutan.

Dalam konteks Malaysia pasca kemerdekaan pula, pengetahuan tentang sistem pemerintahan demokrasi seringkali dipersembahkan kepada rakyat dari perspektif pemerintah. Ini berikutan daripada penerusan dan penguatkuasaan semula budaya politik feudal oleh parti BN dari semasa ke semasa menggunakan alat hegemoni massa yang mengekalkan kedudukan hegemonik pemerintah. Ideal demokrasi umumnya tidak dipelajari dan difahami secara menyeluruh, kerana ia bukannya datang dari rakyat, sebaliknya diimport dari barat dan diperjelaskan oleh pemerintah berdasarkan perspektif mereka. Justeru, apa yang disampaikan dan cuba dikonstruksikan adalah demokrasi bagi pemerintah, iaitu demokrasi feudal yang boleh menambah dan mengekalkan kedudukan serta kuasa mereka. Maka wujudlah bentuk sebuah demokrasi terpimpin sebagaimana yang sering dilaungkan oleh Dr Mahathir semasa beliau memegang tumpuk kuasa.

Namun sebagaimana hujah Gramsci (1971) tentang kedudukan hegemoni bukanlah sesuatu yang kekal, ia sebenarnya adalah satu proses yang memerlukan perjuangan yang tetap, ikhtiar berterusan untuk mengekalkan kawalan ke atas ‘hati dan minda’ golongan kelas bawahan. Ini melibatkan kawalan efektif diperingkat substruktur dan superstruktur yang seakan memberikan kesenangan dan keselesaan kehidupan masyarakat, supaya mereka terus hanyut daripada realiti keadaan yang sebenarnya. Justeru, jika wujud kecelaruan yang mengganggu-gugat dalam elemen substruktur dan superstruktur, hegemoni semasa boleh tercabar dan boleh menyebabkan sesebuah rejim itu menjadi kurang popular berbanding sebelumnya. Dalam kes yang lebih teruk, ia mungkin juga boleh membawa kepada kejatuhan sesebuah rejim. Dalam konteks ini, PRU ke-12 adalah petanda awal keinginan dan keberanian massa untuk mencabut hegemoni yang telah sekian lamanya berakar umbi dalam sistem politik dan sosial Malaysia.

## Rujukan

- Anderson, P. 1976. The antinomies of Antonio Gramsci. Dlm. *New Left Review*. **100**: 5-78.
- Bocock, Robert.1986. *Hegemony*. London: Ellis Horwood.
- Burr, Vivien. 1995. *An introduction to social construction*. London: Routledge.
- Chandra Muzaffar.1979. *Protector?*. Pulau Pinang: Aliran.
- Cheah Boon Kheng. 1995. dalam *Feudalisme Melayu: ciri-ciri dan pensejarahannya*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Femia, J. 1981. *Gramsci's political thought: hegemony, consciousness, and the revolutionary process*. London: Oxford University Press.
- Ghazali Mayudin, Jamaie Hamil, Sity Daud & Zaini Othman (pynt.). *Demokrasi, kepimpinan dan keselamatan dalam politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Gramsci, A. 1971. *Selection of prison notebooks* (ed. and trans by Q. Hoare and G. Nowell Smith) London.: Lawrence & Wishart.
- Gomez, E.T. 1990. *Politik dalam perniagaan: pelaburan korporat UMNO*. Kuala Lumpur: Forum.
- \_\_\_\_\_. 1991. *Money politics in the Barisan Nasional*. Kuala Lumpur: Forum.
- \_\_\_\_\_. 1994. *Political business: corporat involvement of Malaysian political parties*. Australia: James Cook University of North Queensland.
- Hilley, J. 2001. *Malaysia: Mahathirism, hegemony and the new opposition*. London: Zed Books.
- Ho Khai Leong & James Chin(pytn). 2003. *Mahathir's administration: performance and crisis in governance*. Singapore: Times Edition.
- Hobsbawm,H. & Ranger,T. (pytn). 1983. *The invention of tradition*. London:Cambridge University Press.
- Jamaie Hamil. 2005. *UMNO dalam politik dan perniagaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. 2007. Hegemoni hubungan kuasa dalam konstruksi budaya politik Melayu: satu analisis. Tesis Sarjana, Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Miliband,R. 1982. *Capitalist democracy in Britain*. London: Oxford University Press.

- Nidzam Sulaiman. 2002. Budaya politik dalam masyarakat majmuk di Malaysia. dalam *etika dan budaya politik dari perspektif Islam*, disunting oleh Abdul Monir Yaacob & Suzalie Mohamad.
- \_\_\_\_\_. 2006a. Idea tentang hak, kebebasan dan keadilan dalam budaya politik Melayu. Kertas kerja Persidangan Kajian Malaysia Kelima (MSC5). Universiti Putra Malaysia, Serdang, 8 Ogos 2006.
- \_\_\_\_\_. 2006b. Pakatan dalam politik Sarawak. Bangi: Penerbit UKM.
- Ransome, P. 1992. *Antonio Gramsci : A new introduction*. Hertfordshire: Harvester Wheatsheaf.
- Shamsul A.B. 1996. The construction and transformation of a social identity: Malayness and bumiputraness re-examined. Dlm. *Journal of Asian and African Studies*. **52**: 15-31.
- Syed Husin Ali. 1996. *Two faces: detention without trial*. Kuala Lumpur: Insan.
- \_\_\_\_\_. 2004. *Merdeka, rakyat & keadilan*. Petaling Jaya: SIRD
- Syed Hussien Alatas. 1968. Feudalisme in Malaysian society: a study on historical continuity. *Civilisation* **18**.
- \_\_\_\_\_. 1972. *Feudalism in Malaysian society: a study in Historical continuity in modernisation & Social Change*. Sydney: Angus & Robertson.
- Tun Sri Lanang. 1612. *Sulalat al-Salatin ya'ni pertuturun segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*. Diperkenalkan oleh Muhammad Salleh. 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaini Othman. 2002. Masyarakat Sivil dan Pendemokrasian Demokrasian . Dlm. Ghazali Mayudin (pnyt.). *Politik Malaysia: Perspektif Teori dan Praktis*. Bangi: Penerbit UKM.
- \_\_\_\_\_. 2006. Demokrasi di negara sedang membangun: pengalaman Asia Tenggara. Dlm Ghazali Mayudin (pnyt.). *Demokrasi, kepimpinan dan keselamatan dalam Politik Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.